



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI SEKOLAH
SCHOOL OPERATIONAL SECTOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 4, BLOK E2, KOMPLEKS E
LEVEL 4, BLOCK E2, COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
Faks : +603-8889 6680
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/2 Jld. 7 (74)
Tarikh : 17 November 2023

**Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BILANGAN 8 TAHUN 2023
STANDARD GURU MALAYSIA 2.0 MULAI TAHUN 2023**

Surat siaran ini bertujuan memaklumkan berkenaan Standard Guru Malaysia 2.0 (SGM 2.0) mulai Tahun 2023.

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited bagi memastikan guru Malaysia kekal berkualiti sepanjang perkhidmatan. Dokumen standard guru perlu relevan dengan keperluan semasa pendidikan negara. Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pembangunan Staf Bilangan 3 Tahun 2017 bertarikh 26 Oktober 2017 memutuskan supaya Standard Guru Malaysia (SGM) yang diterbitkan pada tahun 2009 disemak semula. SGM sedia ada ditambah baik berasaskan *Southeast Asia Teacher Competency Framework* (SEA-TCF).

3. Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 14 Tahun 2019 bertarikh 3 Oktober 2019 dan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan (MJPP) Kali Ke-221 Bilangan 1 Tahun 2020 bertarikh 29 Jun 2020 telah meluluskan Standard Guru Malaysia 2.0. Yang Berhormat Menteri Pendidikan turut mengumumkan SGM 2.0 sebagai Prakarsa ke-9 dalam Inisiatif untuk Memperkasa Kebajikan Guru semasa sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan Tahun 2023.

4. SGM 2.0 perlu dimanfaatkan bagi melengkapkan kompetensi dan etika keguruan selaras dengan keperluan peningkatan jawatan dan kerjaya. Dokumen ini menjadi rujukan utama kepada pihak yang berikut:

- 4.1 guru praperkhidmatan;
- 4.2 guru dalam perkhidmatan;
- 4.3 pembekal latihan keguruan;
- 4.4 institusi pendidikan awam dan swasta; dan
- 4.5 semua pihak berkepentingan.

5. Guru perlu melengkapkan Senarai Semak Kompetensi Diri (SSKD) dalam Sistem Guru Malaysia (SGMy) untuk mengenal pasti keupayaan sedia ada bagi merancang pembangunan profesionalisme sendiri secara berterusan. Guru akan memperoleh pengiktirafan satu hari berkursus serta 12 Mata Kredit Pembangunan Profesionalisme Berterusan (MyPPB) bagi tahun semasa setelah menyelesaikan pembacaan SGM 2.0 dan melengkapkan SSKD.

6. Surat siaran ini **berkuat kuasa serta-merta** mulai tarikh surat siaran ini dikeluarkan.

7. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dan memastikan kandungan surat siaran ini dilaksanakan oleh semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan institusi pendidikan bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(HAJI AZMAN BIN HAJI ADNAN)

Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Sektor Operasi Sekolah

merangkap Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. YB Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 2. YB Timbalan Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 4. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 7. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia